

13/08/1998

Amaran Amerika dianggap tidak berasas

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap amaran Amerika Syarikat mengenai kemungkinan kepentingannya di Malaysia menjadi sasaran selepas pengeboman kedutaannya di Kenya dan Tanzania, sebagai tidak berasas.

Setakat ini, Perdana Menteri berkata tiada sebarang tanda wujudnya kegiatan pengganas di negara ini.

"Saya tidak nampak sebarang sebab mengapa (amaran Amerika Syarikat itu). Sepanjang pengetahuan kita, tidak ada sebarang tanda mengenai kegiatan-kegiatan pengganas di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada kontinjen negara ke Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98) di Kompleks Sukan Negara, di sini petang ini.

Beliau mengulas kenyataan Jabatan Negara Amerika yang memberi amaran mengenai kemungkinan kepentingannya di tiga negara iaitu Malaysia, Mesir dan Yaman, turut menjadi sasaran selepas peristiwa pengeboman kedutaannya di Kenya dan Tanzania.

Pegawai Perhubungan Media Kedutaan Amerika Syarikat di sini, James A Warren, pula dilaporkan berkata, pihaknya meningkatkan kawalan keselamatan di kedutaan berikutan kenyataan Jabatan Negaranya.

"Kami bukan bimbang dengan ancaman rakyat Malaysia. Apa yang dikhuatirkan ialah orang luar yang mungkin memasuki negara ini," kata Warren.

Dr Mahathir berkata, sudah tentu kejadian seumpama itu boleh berlaku di mana-mana sahaja.

Tetapi, Perdana Menteri berkata, dengan memberi tumpuan kepada Malaysia, negara itu mengetepikan kemungkinan kejadian itu boleh berlaku di negara lain.

"Mungkin anda tidak menyangkanya tetapi ia berlaku. Sebagaimana ia berlaku di Kenya dan Tanzania, anda semua tidak menyangkanya tetapi ia berlaku," katanya.

Ditanya mengapa Amerika menyenaraikan Malaysia, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu.

"Saya tidak mengerti. Mungkin mereka tahu apa yang kita tidak tahu. Apa yang kita tahu, tiada bahaya di sini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, jika Amerika berasa wujud bahaya di sini, mereka boleh meminta perlindungan dan Malaysia sedia memenuhi permintaan itu.

Mengenai kenyataan itu yang dikeluarkan oleh Kerajaan Amerika dan bukannya pihak lain di negara itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak boleh berkata apa-apa mengenainya.

"Ini perkara yang sangat sensitif. Kita tidak sepatutnya berkata apa-apa kerana ia mungkin disalah tanggap," katanya.

Mengenai kemungkinan perkara itu dilakukan untuk menghalang pelabur datang ke negara ini, Perdana Menteri menjelaskan beliau tidak mahu membuat sebarang spekulasi.

(END)